



KESAN BIMBINGAN KELOMPOK REBT TERHADAP
RESILIEN DAN DAYA TINDAK MURID

BERMASALAH DISIPLIN AKTIF DALAM SUKAN

PUTRI NURUL ASYIQIN BINTI MEGAT AZRA'AI



LAPORAN DISERTASI INI DIKEMUKAKAN BAGI

MEMENUHI SYARAT UNTUK MEMPEROLEH

IJAZAH SARJANA PENDIDIKAN

(MOD PENYELIDIKAN DAN KERJA KURSUS)

UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS

2020





Sila tanda (✓)
Kertas Projek
Sarjana Penyelidikan
Sarjana Penyelidikan dan Kerja
Kursus
Doktor Falsafah

✓

INSTITUT PENGAJIAN SISWAZAH PERAKUAN KEASLIAN PENULISAN

Perakuan ini telah dibuat pada 27 (hari bulan) MEI (bulan) 2020

i. Perakuan pelajar :

Saya, PUTRI NURUL ASYIQIN BINTI MEGAT AZRA'AI (20161000578) FAKULTI PEMBANGUNAN MANUSIA dengan ini mengaku bahawa disertasi/tesis yang bertajuk KESAN BIMBINGAN KELOMPOK REBT TERHADAP RESILIEN DAN DAYA TINDAK MURID BERMASALAH DISIPLIN AKTIF DALAM BIDANG SUKAN adalah hasil kerja saya sendiri. Saya tidak memplagiat dan apa-apa penggunaan mana-mana hasil kerja yang mengandungi hak cipta telah dilakukan secara urusan yang wajar dan bagi maksud yang dibenarkan dan apa-apa petikan, ekstrak, rujukan atau pengeluaran semula daripada atau kepada mana-mana hasil kerja yang mengandungi hak cipta telah dinyatakan dengan sejasasnya dan secukupnya

Tandatangan pelajar

ii. Perakuan Penyelia:

Saya, PROF. MADYA DR. MOHAMAD NASIR BIN BISTAMAM dengan ini mengesahkan bahawa hasil kerja pelajar yang bertajuk KESAN BIMBINGAN KELOMPOK REBT TERHADAP RESILIEN DAN DAYA TINDAK MURID BERMASALAH DISIPLIN AKTIF DALAM BIDANG SUKAN dihasilkan oleh pelajar seperti nama di atas, dan telah diserahkan kepada Institut Pengajian Siswazah bagi memenuhi sebahagian/sepenuhnya syarat untuk memperoleh Ijazah SARJANA PENDIDIKAN BIMBINGAN DAN KAUNSELING

Tarikh

Tandatangan Penyelia





PRAKATA

Alhamdulillah, segala puji bagi Allah swt kerana atas limpah rahmat dan kurniaan-Nya disertasi ini dapat diselesaikan hingga ke akhirnya. Setinggi-tinggi penghargaan dan ucapan terima kasih diucapkan kepada Yang Berbahagia Prof. Madya Dr Mohamad Nasir Bistamam selaku penyelia yang begitu banyak memberikan ilmu, bimbingan dan nasihat kepada saya dalam menyelesaikan disertasi ini dengan sempurna. Juga ditujukan kepada pentadbir dan seluruh warga SMK Gunung Rapat yang turut memberikan kerjasama sepanjang disertasi ini dijalankan. Penghargaan istimewa turut ditujukan kepada ibu bapa, suami dan anak-anak yang begitu banyak berkorban dan memberikan semangat untuk saya menumpukan sepenuh perhatian terhadap pengajian dan penyediaan disertasi ini.





ABSTRAK

Kesan Bimbingan Kelompok REBT Terhadap Resilien Dan Daya Tindak Murid Bermasalah Disiplin Aktif Dalam Bidang Sukan

Kajian eksperimental ini dijalankan bagi mengukur kesan Kaunseling Kelompok REBT terhadap resilien dan daya tindak murid aktif sukan yang terlibat dengan salah laku disiplin. Seramai 60 subjek ($n=60$) kajian dipilih secara pensampelan rawak bertujuan (*purposive sampling*) dan diagihkan secara rawak berpadanan kepada dua kumpulan iaitu kumpulan rawatan (30 orang) dan kumpulan kawalan (30 orang). Data kuantitatif ujian pra dan pos dikumpul menggunakan soal selidik Skala Daya Ketahanan (SDK) dan Inventori Strategi Daya Tindak (SDT) yang mempunyai nilai kesahan 0.741 (SDK) dan 0.769 (SDT) serta nilai kebolehpercayaan 0.65 (SDK) dan 0.86 (SDT). Seterusnya, data dianalisis secara deskriptif & inferensi melalui ujian statistik min, Ujian-t, Mancova dan Pos Hoc pada aras signifikan 0.05. Hasil kajian menunjukkan Modul Kaunseling Kelompok REBT berkesan meningkatkan tahap min Resilien (0.933 kepada 6.506) dan Daya Tindak (0.688 kepada 3.43). Di samping itu, Modul Kaunseling Kelompok REBT didapati berkesan secara signifikan terhadap Resilien melalui analisis Ujian-t Sampel Berpasangan ($t(-8.08) = p .000 < .05$) dan Daya Tindak $t -7.920 = p .000 < .05$. Selain daripada itu, berdasarkan analisis Pos Hoc hasil kajian juga menunjukkan Modul Kaunseling Kelompok REBT berkesan terhadap kumpulan rawatan berdasarkan gender berbanding kumpulan kawalan terhadap resilien $F(44.5) = p(0.005) < 0.05$ dan daya tindak $F(19.38) = p(0.03) < 0.05$. Hasil kajian juga mendapati tidak terdapat perbezaan kesan rawatan terhadap kumpulan rawatan berdasarkan gender. Secara keseluruhannya, kajian membuktikan modul Kaunseling Kelompok REBT berkesan meningkatkan resilien dan daya tindak subjek kajian. Di samping itu hasil kajian juga menunjukkan tidak terdapat perbezaan kesan gender terhadap rawatan. Oleh itu, Modul Kaunseling Kelompok REBT boleh dijadikan sebagai satu cara untuk meningkatkan Resilien dan Daya Tindak remaja bermasalah disiplin dan penggunaannya diperluaskan di sekolah-sekolah lain di seluruh negara.





ABSTRACT

The Effect Of The REBT Group Guidance On The Resilient And Coping Skills Of Sports Students Involved In Disciplinary Misconduct

This experimental study was conducted to measure the effect of the REBT Group Counseling on the resilient aspect and the coping skills of sports students involved with disciplinary misconduct. A total of 60 subjects ($n = 60$) were randomly assigned random sampling (random sampling) and randomly distributed to two groups ie treatment group (30 people) and control group (30 people). Pre-post and post-test quantitative data were collected using Resilience Scale (SDK) and Inventory of Coping Skills (SDT) which had a value of 0.741 (SDK) and 0.769 (SDT) with reliability value of 0.65 (SDK) and 0.86 (SDT). Furthermore, the data were analyzed descriptively & inferred by mean statistical test, t-Test, Mancova and Pos Hoc at significant level of 0.05. The results showed that the REBT Group Counseling Module effectively increased the Resilient min level (0.933 to 6.506) and Coping Skills (0.688 to 3.43). In addition, the REBT Group Counseling Module was found to be significantly significant towards Resilient through the analysis of Paired Sample t-Test ($t (-8.08) = p .000 < .05$) and Coping Skills ($t -7.920 = p .000 < .05$). In addition, based on the Pos Hoc analysis the results of the study also show that the Group's Counseling Module of REBT is effective against gender-based treatment groups compared to the control group on resilient $F (44.5) = p (0.005) < 0.05$ and coping skills $F (19.38) = p (0.03) < 0.05$. Overall, the study proved that the REBT Group Counseling module effectively enhanced the resilience and coping skills of the subject. In addition, the study also showed that there were no differences in the effects of gender on treatment. Therefore, the REBT Group Counseling Module can be used as a way to improve Resilient and Coping Skills among adolescent in troubled discipline and its use can be expanded in other schools all over the country.





KANDUNGAN

PERAKUAN	i
PRAKATA	ii
ABSTRAK	iii
KANDUNGAN	iv
SENARAI JADUAL	ix
SENARAI RAJAH	xi
SENARAI SINGKATAN	xii
SENARAI LAMPIRAN	xiii

BAB 1 : PENGENALAN

1.1	Pendahuluan	1
1.2	Latar Belakang Kajian	2
1.3	Pernyataan Masalah Kajian	9
1.4	Tujuan Kajian	17
1.5	Objektif Kajian	18
1.6	Persoalan Kajian	19
1.7	Hipotesis Kajian	20
1.8	Kerangka Konseptual	22
1.9	Kepentingan Kajian	24
1.10	Batasan Kajian	26
1.11	Definisi Konseptual dan Definisi Teoritik	27
1.12	Rumusan	38

BAB 2 : TINJAUAN LITERATUR

2.1	Pendahuluan	39
2.2	Kerangka Teori	40
2.2.1	Teori Kelompok REBT Terhadap Perlakuan Salah laku Disiplin	44
2.2.2	Modul Kaunseling Kelompok REBT	47



2.3	Tinjauan literatur	50
2.3.1	Tinjauan Literatur Salah laku Disiplin dan Resilien	51
2.3.2	Tinjauan Literatur Salah laku Disiplin dan Daya Tindak	53
2.4	Tinjauan Literatur Kesan REBT Terhadap Salah laku Disiplin	56
2.4.1	Kesan Intervensi Kelompok REBT Terhadap Resilien	58
2.4.2	Kesan Intervensi Kelompok REBT Terhadap Daya Tindak	59
2.5	Rumusan	61

BAB 3 : METODOLOGI

3.1	Pendahuluan	62
3.2	Reka Bentuk Kajian	63
3.3	Populasi Kajian	65
3.4	Pemilihan Subjek Kajian	66
3.5	Alat Kajian	70
3.5.1	Inventori Skala Ketahanan (SDK)	70
3.5.2	Inventori Skala Daya Tindak (ISDT)	72
3.6	Kajian Rintis Alat Kajian	74
3.7	Prosedur Pengumpulan Data	75
3.8	Kesahan dan Kebolehpercayaan Alat Kajian	77
3.9	Analisis Data	92
3.10	Rumusan	93

BAB 4 : DAPATAN KAJIAN

4.1	Pendahuluan	94
4.2	Hasil Kajian Deskriptif	95
4.2.1	Demografi Kumpulan Rawatan dan Kawalan	95
4.2.2	Penglibatan Salah laku Disiplin Subjek Kajian	99
4.3	Dapatan Kajian Secara Deskriptif Perbandingan Min Praujian dan Posujian Pemboleh ubah Antara Kumpulan Rawatan dan Kumpulan Kawalan	100

4.3.1 Kesan Modul Kaunseling Kelompok REBT Terhadap Resilien	100
4.3.2 Kesan Modul Kaunseling Kelompok REBT Terhadap Daya Tindak	102
4.4 Dapatan Kajian Secara Analisis Statistik Ujian-T Sampel Berpasangan Praujian dan Posujian Resilien dan Daya Tindak Kumpulan Rawatan dan Kumpulan Kawalan	106
4.4.1 Kesan Modul Kaunseling Kelompok REBT Terhadap Resilien Berdasarkan Analisis Ujian T Sampel Berpasangan.	107
4.4.2 Kesan Modul Kaunseling Kelompok REBT Terhadap Daya Tindak Berdasarkan Analisis Ujian T Sampel Berpasangan.	109
4.4.3 Rumusan Analisis Statistik Praujian dan Posujian Resilien dan Daya Tindak Kumpulan Rawatan dan Kumpulan Kawalan.	111
4.5 Dapatan Kajian Secara Analisis MANCOVA Praujian dan Posujian Kumpulan Rawatan dan Kumpulan Kawalan	112
4.5.1 Kesan Modul Kaunseling Kelompok REBT Terhadap Praujian dan Posujian Resilien Berdasarkan Gender Kumpulan Kawalan dan Rawatan	112
4.5.2 Kesan Modul Kaunseling Kelompok REBT Terhadap Praujian dan Posujian Daya Tindak Berdasarkan Gender Kumpulan Kawalan dan Rawatan	115
4.6 Rumusan	120

BAB 5 : PERBINCANGAN DAN PENUTUP

5.1 Pendahuluan	122
5.2 Rumusan Dapatan Kajian	123
5.3 Perbincangan Kajian	130
5.3.1 Kesan Modul Kaunseling Kelompok REBT Terhadap Resilien	130



5.3.2	Kesan Modul Kaunseling Kelompok REBT Terhadap Daya Tindak	132
5.4	Implikasi Kajian	133
5.4.1	Implikasi Terhadap Perkembangan Teori dan Bidang Kaunseling	133
5.4.2	Implikasi Terhadap Amalan Pendidikan & Pemantapan Disiplin Pelajar Aktif Sukan	135
5.5	Masalah Menjalankan Kajian	137
5.6	Cadangan Penyelidikan akan datang	139
5.7	Penutup	141

RUJUKAN



SENARAI JADUAL

JADUAL

MUKA SURAT

1.1	Statistik Salah laku Disiplin Pelajar Sekolah di Malaysia	10
3.2	Sub skala Daya Ketahanan (SDK)	71
3.3	Sub Skala Inventori Strategi Daya Tindak (ISDT)	73
3.4	Penilaian Pakar terhadap kesahan SDK	79
3.5	Nilai Kesahan Instrumen SDK	80
3.6	Penilaian Pakar Terhadap Kesahan ISDT	81
3.7	Nilai Kesahan Instrumen ISDT	82
3.8	Nilai Kebolehpercayaan Bagi Subkonstruk SDK	84
3.9	Nilai Kebolehpercayaan Bagi Subkonstruk ISDT	86
3.10	Penilaian Keseluruhan Pakar Terhadap Modul Kaunseling Kelompok REBT	89
3.11	Penilaian Pakar Terhadap Kesahan Kandungan Modul Kaunseling Kelompok REBT	91
4.1	Taburan Kekerapan Dan Peratusan Sampel Mengikut Gender	96
4.2	Taburan Kekerapan dan Peratusan Responden Mengikut Kaum	96
4.3	Taburan Kekerapan dan Peratusan Responden Mengikut Pendapatan Keluarga	97
4.4	Taburan Kekerapan dan Peratusan Responden Mengikut Pencapaian Akademik	98

4.5	Taburan Kekerapan Dan Peratusan Salah Laku Disiplin	99
4.6	Ringkasan Analisis Deskriptif Skor Min Praujian dan Posujian Subkonstruk Resilien Antara Kumpulan Rawatan dan Kumpulan Kawalan.	101
4.7	Ringkasan Analisis Deskriptif Skor Min Praujian dan Posujian Subkonstruk Daya Tindak Antara Kumpulan Rawatan dan Kumpulan Kawalan.	103
4.8	Ringkasan Analisis Ujian-T Sampel Tidak Bersandar dan Ujian-t Sampel Berpasangan Praujian dan Posujian Resilien Antara Kumpulan Rawatan dan Kumpulan Kawalan	107
4.9	Ringkasan Analisis Ujian-T Sampel Tidak Bersandar dan Ujian-t Sampel Berpasangan Praujian dan Posujian Daya Tindak Antara Kumpulan Rawatan dan Kumpulan Kawalan	109
4.10	Ringkasan Analisis MANCOVA Kesan Modul Kaunseling Kelompok Terhadap Praujian dan Posujian Subkonstruk Resilien Kelompok Rawatan Lelaki, Kelompok Rawatan Perempuan dan Kelompok Kawalan.	113
4.11	Ringkasan Analisis Pos Hoc Tukey Perbezaan Posujian DTKD, DTMD, DTE dan DTO antara kelompok RL, RP dan KK.	114
4.12	Ringkasan Analisis MANCOVA Kesan Modul Kaunseling Kelompok Terhadap Praujian dan Posujian Subkonstruk Daya Tindak Kelompok Rawatan Lelaki, Kelompok Rawatan Perempuan dan Kelompok Kawalan.	116
4.13	Ringkasan Analisis Pos Hoc Tukey Perbezaan Posujian PM, KD, EE, MH, SS, MP, MM dan PS antara kelompok RL, RP dan KK.	118



SENARAI RAJAH

RAJAH

MUKA SURAT

1.1	Kerangka Konseptual Kajian	23
2.1	Rantai Masalah Dan Pelan Intervensi REBT	42
2.2	Rantaian Masalah Pelajar Salah Laku Disiplin Berdasarkan REBT	45
2.3	Kerangka Konseptual Salah Laku Disiplin Dan Pelan Intervensi	48
3.1	Reka Bentuk Kajian Eksperimen Ke Atas Subjek Kajian	64
3.2	Carta Alir Pemilihan Subjek Dan Intervensi Eksperimental	69



SENARAI SINGKATAN

SINGKATAN

SSN	Sekolah Sukan Negeri
KPM	Kementerian Pendidikan Malaysia
SDK	Skala Daya Ketahanan
ISDT	Inventori Skala Daya Tindak
REBT	Rational Emotive Behavior Therapy
PRS	Pembimbing Rakan Sebaya
DTKD	Daya Tahan Kekuatan Diri
DTMD	Daya Tahan Mengurus Diri
DTE	Daya Tahan Emosi
DTO	Daya Tahan Optimis
PM	Penyelesaian Masalah
KD	Kritik Diri Sendiri
EE	Ekspresi Emosi
MH	Fikiran Menaruh Harapan
SS	Sokongan Sosial
MP	Menstruktur Semula Pemikiran
MM	Mengelak Masalah
PS	Penarikan Diri Sosial

SENARAI LAMPIRAN

LAMPIRAN A	Inventori Skala Daya Ketahanan (SDK)
LAMPIRAN B	Inventori Skala Daya Tindak (ISDT)
LAMPIRAN C	Modul Kaunseling Kelompok REBT
LAMPIRAN D	Kesahan Pakar



BAB 1

PENGENALAN



1.1 Pendahuluan

Bab ini akan membincangkan tentang perkara-perkara asas berkaitan dengan kajian yang meliputi latar belakang kajian, pernyataan masalah, tujuan kajian, objektif kajian, persoalan kajian, hipotesis kajian, kerangka konseptual, kepentingan kajian, batasan kajian, definisi konseptual dan definisi operasional. Pengkaji juga akan menjelaskan secara terperinci mengenai isu yang menjadi latar belakang kajian.



1.2 Latar Belakang Kajian

Sejak akhir-akhir ini, berlaku peningkatan kes salah laku disiplin dilaporkan dalam kalangan pelajar aktif sukan. Walaupun isu yang dilaporkan di sekolah sukan masih bersifat dalaman, namun peningkatan ini cukup membimbangkan kerana hal ini seiring dengan berita salah laku serius melibatkan pelajar-pelajar sekolah yang sering menggemparkan negara akhir-akhir ini. Antara kes yang sering dilaporkan adalah buli, pergaduhan, peras ugut, terlibat dengan gangster, tingkah laku seksual, merosakkan harta benda, dan terlibat dengan rokok. Kes sebegini boleh mengakibatkan pelajar disabitkan kesalahan juvana dan boleh dipenjarakan sekiranya serius.

Menurut bekas Ketua Polis Negara, Tan Sri Abdul Rahim Noor, masalah

disiplin dalam kalangan pelajar sekolah adalah perkara serius kerana statistik Kementerian Pendidikan Malaysia menunjukkan terdapat lebih daripada 15 000 kes disiplin di sekolah-sekolah di seluruh negara melibatkan ugutan, kecurian malah penderaan fizikal sehingga mengakibatkan kematian. Hal ini lebih membimbangkan lagi apabila mantan Timbalan Menteri Pendidikan P. Kamalanathan mengatakan bahawa terdapat peningkatan sebanyak 0.06% dalam kes tingkah laku disiplin yang dilaporkan di sekolah menengah pada tahun 2015 dan peningkatan sebanyak 0.11% pada tahun 2016 (Utusan 2017. 2 Julai). Data yang dilaporkan oleh KPM tersebut merangkumi semua murid sekolah rendah dan sekolah menengah dari pelbagai jenis sekolah yang turut membabitkan murid-murid yang aktif dalam bidang sukan.



Murid yang cemerlang dalam bidang sukan sehingga ke peringkat tertinggi kebiasaannya ditempatkan di sekolah sukan. Sekolah sukan ditubuhkan pada tahun 2009 di setiap negeri di seluruh Malaysia yang menempatkan pelajar-pelajar yang menunjukkan prestasi cemerlang dalam acara sukan hingga ke peringkat tertinggi dan dalam masa yang sama lulus peperiksaan UPSR. Pelajar sekolah sukan ini perlu melalui beberapa ujian pemilihan seperti Ujian Mengenal pasti Bakat (TID) dan ujian IQ bagi melayakkan diri mereka diterima di sekolah sukan. Pelajar di sekolah sukan melalui rutin kehidupan di asrama dan sekolah yang agak padat. Latihan sukan dimulakan seawal jam 6.30 pagi hingga 8.00 pagi dan memulakan persekolahan pada jam 8.30 pagi hingga jam 2 petang. Latihan sesi petang diadakan sekali lagi mulai jam 3.30 petang hingga 6.30 petang, malah ada kala berlarutan hingga waktu malam. Antara sukan yang dilatih di sekolah sukan adalah bola sepak, bola jaring, hoki, sepak takraw, olahraga, boling dan memanah.

Rutin latihan sukan yang padat diharapkan dapat memantapkan karakter murid dan meminimalkan salah laku disiplin dalam kalangan atlet. Malah beberapa kajian yang dijalankan menyokong penglibatan aktiviti sukan dalam meningkatkan kemahiran insaniah dan disiplin murid (Mahamad Yusof, 2016, Alunawati Buhari, 2015, Mohammad Shafiq Ghazali, 2013). Dalam kajian yang dijalankan oleh Syed Lamsah et. al (2018) terhadap pelajar aktif sukan, didapati aktiviti sukan berkesan dalam mendorong perkembangan personaliti yang positif di samping pencapaian akademik yang memuaskan. Namun begitu, penglibatan aktif dalam sukan belum menjamin ketidak terlibatan atlet dalam salah laku disiplin. Beberapa faktor yang





dikaji telah menjelaskan penglibatan murid-murid sukan dalam salah laku disiplin. Kenyataan ini turut dipersetujui oleh Kathleen Miller et al (2017) dalam kajian yang dijalankan terhadap 600 remaja di New York Barat yang mendapati bahawa pelajar yang aktif terlibat dalam aktiviti sukan belum menjamin ketidak terlibatan mereka dengan salah laku disiplin. Dalam kajian yang dijalankan terhadap pelajar aktif sukan di Pulau Pinang mendapati mereka membuli bagi membina karakter maskulin dan rasa selamat (Saibon et. al., 2010).

Selain itu, didapati sebahagian besar atlet ini memperoleh pencapaian akademik yang rendah. Hanya segelintir pelajar sukan yang berjaya menyeimbangkan aktiviti sukan dan akademik dan berjaya dalam kedua-dua bidang. Terdapat banyak kajian yang mengaitkan penglibatan pelajar dalam aktiviti sukan dengan pencapaian akademik yang rendah. Sara Brolin, Viveca Ostberg & Bitte Modin (2017) menjelaskan dalam kajian mereka bahawa suasana sekolah yang tidak menitik beratkan keseimbangan antara pencapaian dan pembinaan karakter diri memainkan peranan dalam mencetuskan salah laku dalam kalangan pelajar aktif sukan. Malah, kajian yang dijalankan oleh Haziyanti Khalid (2012) terhadap pelajar aliran sukan membuktikan bahawa pencapaian akademik yang lemah menjadi faktor paling tinggi menyumbang ke arah tahap resilien dan daya tindak yang rendah. Beliau turut mencadangkan perlunya tahap resilien yang tinggi dan daya tindak yang kuat akan menjadi faktor pelindung pelajar aliran sukan dalam menghadapi cabaran mendatang. Arifin S. (2017) mencadangkan perlunya kecerdasan emosi dalam membangunkan resilien dan daya tindak pelajar sukan yang terlibat dengan salah laku disiplin.



Di samping itu institusi keluarga merupakan institusi utama yang meninggalkan pengaruh besar dalam kehidupan individu sejak kecil. Walaupun kesemua pelajar aktif sukan ditempatkan di asrama, namun mereka masih terikat dengan hubungan kekeluargaan. Kegagalan fungsi keluarga serta kegagalan ibu bapa memberi sokongan kepada anak-anak dilihat menjadi faktor utama melahirkan golongan remaja yang terlibat dengan aktiviti salah laku (Wan Utma Mazrah, 2006). Anak-anak yang membesar di dalam keluarga yang sering bergaduh, lazimnya merasakan bahawa mereka tidak selamat cenderung hilang kawalan diri. Perceraian ibu dan bapa serta konflik di dalam keluarga turut sering dikaitkan meninggalkan kesan terhadap aspek psikologikal yang mendorong ke arah kemurungan dan tahap resilien yang rendah (Nasir Bistamam, Ahmad Jazimin, Shamsiah Jais, Abd Malek, Aziz Shah & Muzaffar Shah, 2015). Kepincangan dalam elemen asas iaitu keluarga, mendorong ke arah timbulnya masalah psikologikal dalam kalangan pelajar aktif sukan seperti konsep sendiri yang rendah, kemurungan, daya tahan (resilien) yang rapuh serta daya tindak yang rendah (Jessor & Jessor, 2007). Kelemahan ini dapat dilihat secara ketara dalam kalangan pelajar aktif sukan yang mendorong mereka terlibat dalam aktiviti salah laku seperti mencuri, bergaduh, buli, ponteng dan sebagainya.

Selain itu, faktor kemiskinan juga dilihat sebagai penyumbang kepada masalah ini. Antara syarat utama kelayakan memohon kemasukan ke Sekolah Sukan Negeri (aktif sukan) adalah pendapatan isi rumah di bawah RM3000 yang mana kebanyakan pelajarnya berasal dari keluarga berpendapatan rendah dan





sederhana dari kawasan pedalaman. Faktor kemiskinan dilihat dari sudut ketidakupayaan ibu bapa menyediakan keperluan asas anak-anak yang akhirnya berupaya mendorong mereka terlibat dengan gejala salah laku disiplin. Kenyataan ini disokong oleh kajian Hasan Bahrom (2004) yang mendapati 85% pelajar-pelajar yang ditempatkan di pusat pemulihan akhlak dan sekolah juvana datang dari keluarga yang mempunyai pendapatan seisi keluarga kurang dari RM500. Perkara ini dikukuhkan dengan kajian yang dijalankan oleh Jasmine F. Hardy (2018) yang menunjukkan terdapat korelasi antara kemiskinan dengan tahap perlakuan disiplin. Semakin tinggi tahap kemiskinan, semakin tinggi kadar salah laku disiplin di sesuatu populasi. Hal ini dapat menjelaskan berlakunya banyak kes kecurian di asrama terutama melibatkan wang, pakaian dan peralatan sukan.



Selain faktor persekitaran, kepincangan keluarga dan tahap ekonomi yang dibincangkan di atas, faktor lain yang turut dibincangkan menyumbang kepada peningkatan kadar remaja yang terlibat dengan salah laku disiplin adalah interaksi sosial. Bagi pelajar aktif sukan, mereka ditempatkan tinggal di asrama dan menghabiskan kebanyakan masa di sekolah berinteraksi dengan rakan sebaya dan guru-guru. Oleh itu, dasar pelaksanaan peraturan sekolah penting dalam menentukan pembentukan hala tuju pola komunikasi dalam kalangan pelajar. Implementasi kepada peraturan sekolah seperti tidak dibenarkan sama sekali pelajar keluar kelas semasa proses pengajaran dan pembelajaran dijalankan dapat mencegah dari amalan ponteng yang berisiko mencetuskan pula salah laku yang lain. Menurut Firdaniyanti Pramono, Juara P. Lubis, Herien Puspitawati dan





Djoko Susanto (2016) pola komunikasi remaja bersama rakan sebaya lebih banyak meninggalkan kesan terhadap aspek psikologikal dirinya. Komunikasi yang terhalang atau tidak berkesan dapat menimbulkan kesan terhadap kemurungan dan resilien diri. Malah, interaksi sosial remaja dengan rakan sebaya turut memberi kesan terhadap gaya tindak individu dalam menyelesaikan masalah yang dihadapi.

Fenomena tingkah laku disiplin dalam kalangan pelajar aktif sukan ini perlu diatasi kerana perbuatan ini memberi impak kepada pelaku dari segi fizikal, emosi dan mental atau psikologikal dalam jangka masa pendek dan panjang (Amin Al-Hadi et al, 2017). Kesan jangka pendek seperti sedih, tertekan, tidak berkeupayaan membuat keputusan, berasa sendirian dan malu. Kesan jangka masa panjang pula ialah tahap kesihatan mental yang bercelaru, kemurungan, resilien yang rendah, daya tindak yang lemah dan gangguan emosi yang berpanjangan sehingga dewasa. Ketidak seimbangan dalam aspek psikologikal pelajar aktif sukan ini berisiko menjejaskan prestasi mereka di dalam sukan malah aspek akademik dan pengurusan diri akan terjejas. Oleh itu, satu pendekatan perlu diambil bagi membantu pelaku salah laku disiplin dalam kalangan pelajar aktif sukan menangani isu ini bagi membolehkan mereka mencapai tahap resilien dan daya tindak yang bersesuaian ke arah kesempurnaan psikologikal. Aktiviti sukan seharusnya dapat menyumbang kepada pembangunan dan pemantapan karakter diri, semangat kesukanan, disiplin yang tinggi serta dapat menyumbang kepada pembangunan masyarakat yang baik (Sahin et. al. 2018).





Telah banyak usaha dan kajian yang dilakukan, sama ada dari dalam atau luar negara bagi mencari pendekatan terbaik menangani masalah tingkah laku dalam kalangan pelajar termasuklah tingkah laku disiplin. Namun, usaha untuk memulihkan tingkah laku bermasalah ini tidaklah begitu mudah terutama apabila individu tersebut telah bersedia untuk melibatkan diri secara langsung dalam tingkah laku negatif tersebut dan mempunyai persepsi, norma dan tarikan tersendiri terhadap perlakuan tersebut (Burt, Resnick & Novik 1998). Oleh yang demikian, langkah pencegahan di peringkat awal iaitu intervensi berbentuk perkembangan dan pencegahan bagi membantu golongan remaja berkenaan untuk menghindarkan diri daripada terlibat dengan salah laku disiplin.



Justeru, dalam kajian ini satu model kaunseling kelompok REBT telah digunakan sebagai intervensi untuk meningkatkan tahap resilien dan daya tindak dalam kelompok pelajar yang terlibat dalam usaha untuk mengurangkan gejala salah laku delinkuen secara berperingkat-peringkat. Model kaunseling kelompok ini menggunakan Terapi Rasional Emotif Tingkah laku (Rational Emotive Behavior Therapy, REBT) kerana konsep dan pandangan teori ini selaras dengan tahap perkembangan remaja yang menekankan aspek kognitif (pemikiran) yang menggerakkan emosi dan tingkah laku.

Diharapkan kajian intervensi awal terhadap golongan remaja yang terlibat dengan salah laku disiplin ini dapat mencetuskan dimensi baru dalam memahami isu remaja bermasalah tingkah laku di peringkat persekolahan terutamanya bagi





kategori pelajar sekolah sukan. Diharapkan juga agar rawatan yang digunakan ke atas resilien dan daya tindak akan dapat membantu pelajar-pelajar membuat perubahan dalam aspek kognitif dan tingkah laku baru yang lebih positif dan ke arah kesejahteraan diri. Pada akhirnya, diharapkan agar kajian ini dapat mencetuskan idea, merangsang minda dan dapat dijadikan model kepada pelbagai pihak terutamanya KPM melalui institusi sekolah khususnya dalam usaha pencegahan peringkat awal salah laku disiplin melalui implementasi peranan perkhidmatan bimbingan dan kaunseling.

1.3 Pernyataan Masalah



Masalah salah laku disiplin dalam kalangan pelajar sukan dilihat sebagai satu fenomena yang semakin menjadi barah di sekolah-sekolah.. Menurut bekas Ketua Polis Negara, Tan Sri Abdul Rahim Noor, masalah disiplin dalam kalangan pelajar sekolah adalah perkara serius kerana statistik Kementerian Pendidikan Malaysia menunjukkan terdapat lebih daripada 15000 kes disiplin di sekolah-sekolah di seluruh. Hal ini lebih membimbangkan lagi apabila mantan Timbalan Menteri Pendidikan P. Kamalanathan mengatakan bahawa terdapat peningkatan sebanyak 0.06% dalam kes tingkah laku disiplin yang dilaporkan di sekolah menengah pada tahun 2015 dan peningkatan sebanyak 0.11% pada tahun 2016. Statistik ini turut merangkumi pelajar di sekolah-sekolah Berasrama Penuh (SBP), Maktab Rendah Sains Mara (MRSM), Sekolah Menengah Agama (SMA) malah turut melibatkan Sekolah-sekolah Sukan Negeri (aktif sukan) di seluruh negara. Lebih



membimbangkan lagi apabila kes melibatkan pelajar kategori ini yang merupakan pelajar terpilih berdasarkan syarat tertentu yang bakal menerajui masa depan negara. Pelajar sukan dipilih berdasarkan penglibatan aktif dalam bidang sukan hingga ke peringkat tertinggi dalam usaha melatih atlet-atlet muda yang bakal mendukung arena sukan negara.

Jadual di bawah menunjukkan taburan kekerapan dan peratusan kes salah laku disiplin yang direkodkan oleh Unit Disiplin, Sekolah Sukan;

Jadual 1 : Taburan Kekerapan Dan Peratusan Salah Laku Disiplin

Jenis Salah laku	Kekerapan	Peratus
Ponteng	36	44.4%
Merokok	16	19.8%
Mencuri	2	2.5%
Membuli	6	7.4%
Seksual	3	3.7%
Merosakkan harta sekolah	4	4.9%
Membawa barang larangan	14	17.3%
Jumlah	81 kes	100.0

Jadual 1 menunjukkan penglibatan subjek kajian terhadap salah laku disiplin. Seramai 36 orang (44.4%) subjek terlibat dengan kes ponteng, manakala seramai 16 orang (19.8%) subjek terlibat dengan kes merokok, manakala 2 orang (2.5%) subjek terlibat dengan kesalahan mencuri, 6 orang (7.4%) terlibat dengan



kes membuli, 3 orang (3.7%) terlibat dengan kes salah laku seksual, manakala 4 orang (4.9%) terlibat dalam salah laku merosakkan harta sekolah dan 14 orang (17.3%) subjek terlibat dengan salah laku membawa barang larangan ke sekolah.

Kajian bagi menangani isu disiplin dalam kalangan pelajar sukan dipandang serius dan disokong oleh kajian yang dijalankan oleh Patonah Zakaria, Nobaya Ahmad & Amna Md Noor (2017) yang mendapati kebanyakan pelajar mempunyai pengalaman terlibat dalam salah laku disiplin walaupun pada tahap yang rendah dan sederhana tanpa mengira latar belakang. Hal ini jelas menunjukkan bahawa sekiranya isu salah laku disiplin ini tidak dibendung dari awal, jumlah pelajar yang terlibat dengan salah laku ini akan semakin bertambah. Sudah tentu perkara ini akan menjejaskan keberkesanan sistem pendidikan di sekolah.



Rekod di atas turut mencatatkan isu ponteng sebagai kes yang paling kerap dan membimbangkan. Dalam kajian yang dijalankan oleh Yusof dan Nurul Ezzati (2010) terhadap 158 pelajar daripada 4 buah sekolah menengah berasrama di Kedah, didapati 25% daripada keseluruhan sampel mengaku pernah terlibat dengan aktiviti ponteng kelas. Kebimbangan dengan isu ponteng ini bukan sahaja melanda sekolah-sekolah di negeri-negeri Semenanjung, malah turut dianggap serius di Sabah (Noraisah Lontou, 2016). Peningkatan kes ponteng dalam kalangan pelajar sekolah telah menjadi isu biasa dan masalah ini semakin berlanjutan hingga ke peringkat pengajian tinggi (Lopez, Jesus, Lopez dan Luis, 2015). Malah dalam satu kajian yang dijalankan oleh San Bernadino (California) District Attorney's Office, 78% daripada banduan memiliki rekod ponteng ketika di bangku sekolah.





Penglibatan pelajar dalam ponteng sering kali dikaitkan dengan salah laku lain seperti buli, merokok, laku musnah dan sebagainya, malah turut dilihat sebagai pencetus kepada penglibatan terhadap salah laku disiplin. Pelajar terlibat dengan salah laku ini sendiri mengakui bahawa perlunya kesedaran diri yang tinggi dalam membentuk peribadi yang berdisiplin dan berkesan ke arah peribadi pelajar unggul (Aminuddin Hehsan & Siti Noor, 2010).

Selain daripada isu ponteng di atas, isu buli adalah yang paling membimbangkan negara ketika ini. Beberapa kes buli yang serius telah dilaporkan kepada pihak Polis terutamanya membabitkan pelajar asrama. Pada Jun 2014, seorang pelajar Maktab Rendah Sains Mara (MRSM) telah dimasukkan ke Unit Rawatan Rapi (ICU) kerana mengalami kesan lecur di bahu kanan dan patah salah satu tulang rusuk akibat dibelasah oleh sekumpulan pelajar maktab yang sama (Berita Harian, 19 Jun 2014). Kes terbaru yang dilaporkan melibatkan penahanan sembilan orang pelajar tingkatan 5 yang terlibat dalam kes pukul seorang pelajar lain dalam satu rakaman video yang tular menerusi media sosial di sebuah sekolah menengah berasrama di Shah Alam (Utusan, 17 April 2018). Kes-kes yang dilaporkan berlaku disebabkan terdapat kelemahan pada aspek psikologikal pelajar tersebut yang tidak mempunyai konsep sendiri yang jelas kerana merasakan tindakan mereka adalah betul dan gagal memilih daya tindak yang sesuai apabila berhadapan dengan situasi yang menekan (Fazzuan Khalid, 2017). Apa yang lebih membimbangkan adalah isu ini dilihat semakin kronik dan meninggalkan kesan kemudaratan secara kekal kepada mangsa mahupun individu lain yang menyaksikan kejadian tersebut. Jika tingkah laku begini tidak dikesan dan dirawat





di peringkat awal, dikhuatiri situasi yang lebih teruk akan berlaku pada masa akan datang.

Di samping itu, tingkah laku seksual dilihat turut semakin menular dalam kalangan pelajar sekolah menengah walaupun pihak Kementerian Pendidikan Malaysia (KPM) sudah mengambil pendekatan dengan menambah pendidikan kesihatan seksual dalam kurikulum pendidikan di sekolah seawal sekolah rendah lagi. Hal ni berlaku apabila remaja tersebut begitu rapuh dan mudah dipengaruhi oleh rakan sebaya dalam pencarian identiti diri (Khadijah Alavi, Salina Nen, Fauziah Ibrahim, Noremy Md. Akhir, Mohd Suhaimi Mohamad, Noorhasliza Mohd Nordin, 2012). Dalam satu penelitian yang dijalankan terhadap 398 remaja oleh Egy Pratama, Sri Hayati dan Eva Supriatin (2014) di Kota Bandung, didapati sebanyak 60% subjek mengakui pernah bercium dan berpelukan. Malah, subjek turut mengakui bahawa tingkah laku tersebut adalah sesuatu yang biasa. Kenyataan yang dibuat tersebut sudah pasti menimbulkan kebimbangan terhadap salah laku disiplin yang perlu ditangani dan dibendung dari awal terutama membabitkan isu seksual dalam kalangan pelajar. Walaupun isu seksual masih lagi menunjukkan peratusan yang kecil dalam kalangan pelajar sukan, namun rekod disiplin menunjukkan beberapa pelajar terlibat dalam salah laku ini dan menimbulkan kebimbangan pada pihak pentadbir sekolah.

Tinjauan dari kajian-kajian lalu, sama ada dari dalam mahu pun luar negara, didapati telah banyak usaha intervensi yang telah dilakukan untuk mengenal pasti punca serta menangani masalah tingkah laku dalam kalangan remaja amnya dan





khususnya terhadap pelajar sukan. Dalam kajian yang dijalankan oleh Md Yassin, Nora Aidah dan Md Johan, Othman (2008) terhadap 44 pelajar Asrama Akhlak Bukit Senyum, Johor Bahru menyatakan bahawa pelajar-pelajar yang terlibat dengan tingkah laku disiplin ini mempunyai konsep sendiri yang rendah, di samping mempunyai daya tahan sendiri (resilien) yang rendah. Persamaan dapatan kajian turut ditemui oleh Akhbar Pardi dan Shamsina (2012) yang menyatakan bahawa salah laku disiplin dalam kalangan pelajar berpunca dari jati diri yang lemah, penghargaan sendiri yang rendah, resilien yang rapuh, lemah daya tindak keliru dengan konsep sendiri serta didapati pelajar tersebut mengalami kemurungan. Penemuan-penemuan kajian tersebut turut disahkan oleh kajian terbaru oleh Buckley, L., & Chapman, R. (2018) yang mana dalam kajiannya juga mendapati bahawa tahap resilien rendah turut menjadi faktor penyumbang kepada salah laku disiplin dalam kalangan remaja. Beliau mencadangkan agar model faktor perlindungan resilien ditingkatkan bagi mengekang masalah ini dari semakin berleluasa. Ini kerana individu yang mempunyai tahap resilien yang rendah cenderung mempunyai daya tindak yang lemah serta mudah terpengaruh dengan asakan luaran yang negatif ke arah salah laku disiplin. Nur Haziyanti (2012) turut menyokong kenyataan tersebut dan mencadangkan agar tahap resilien pelajar aktif sukan perlu ditingkatkan bagi meningkatkan daya pelindung dari terlibat dengan salah laku disiplin.

Berdasarkan dapatan kajian-kajian di atas, jelas menunjukkan bahawa aspek resilien dan daya tindak adalah elemen penting yang perlu diberi perhatian. Penglibatan para pelajar dalam kes salah laku disiplin di atas menjelaskan bahawa





mereka berhadapan dengan cabaran ketidakbolehan mengurus emosi dan tingkah laku kesan daripada aspek resilien dan daya tindak yang lemah. Kenyataan di atas turut disokong oleh Naib Pengerusi Yayasan Pencegahan Disiplin Malaysia (MCCP), Tan Sri Lee Lam Thye yang menyatakan bahawa masalah salah laku pelajar adalah semakin serius berpunca dari kelemahan aspek psikologikal. Beliau menjelaskan bahawa pelajar-pelajar yang cenderung terlibat dengan tingkah laku disiplin mempunyai konsep diri yang rendah, penghargaan diri yang rendah, tertekan, kemurungan, resilien yang rapuh serta daya tindak yang lemah. Beliau yakin, dengan merawat dan meneguhkan aspek psikologikal pelajar akan dapat menangani tingkah laku disiplin dalam kalangan pelajar secara berkesan (Harian Metro. 2014 7 November).



Kementerian Pendidikan Malaysia telah mengadakan pelbagai pendekatan proaktif dengan melaksanakan program-program kesedaran dan pencegahan melalui usaha sama dengan jabatan-jabatan kerajaan lain seperti Biro Tata Negara, Kementerian Belia dan Sukan, Agensi Antidadah Kebangsaan, Kementerian Kesihatan dan sebagainya. Malah, aspek perkembangan dan pendidikan pencegahan turut dilaksanakan peringkat negeri, daerah dan sekolah melalui penubuhan Kelab Pencegahan Disiplin, Kelab Rakan Cap, Skim Lencana Antidadah (SLAD) dan Pembimbing Rakan Sebaya (PRS) di sekolah di bawah seliaan Guru Bimbingan dan Kaunseling Sepenuh Masa (GBKSM).

Oleh itu, peranan guru bimbingan dan kaunseling dilihat sangat penting dalam menentukan pembangunan dan kemenjadian murid dari aspek psikologikal.





Di sekolah, guru bimbingan dan kaunseling berkhidmat secara sepenuh masa ke arah pembentukan sahsiah dan disiplin pelajar. Menurut Zainol (2016), unit bimbingan dan kaunseling memainkan peranan penting dalam memberikan perkhidmatan rawatan dan pemulihan di samping khidmat penyuburan dan pengayaan dalam semua aspek perkembangan diri pelajar secara holistik. Oleh yang demikian, unit bimbingan dan kaunseling perlu berperanan aktif dalam memahami gejala tingkah laku disiplin dalam kalangan pelajar dan seterusnya merancang serta melaksanakan pelbagai strategi pelan tindakan bagi menangani isu pelajar terbabit. Bagi mencapai matlamat tersebut, Noraini (2006) menegaskan peranan guru bimbingan dan kaunseling di sekolah perlu dipertingkatkan dengan pelbagai kemahiran dan strategi terkini bagi membantu pelajar yang berisiko terlibat dalam tingkah laku disiplin dalam aspek psikologikal.



Dalam konteks kajian ini, pengkaji melihat wujudnya jurang yang boleh diterokai dalam beberapa aspek. Aspek pertama adalah dari segi pemilihan sampel yang dilihat dalam kajian-kajian lampau di mana pengkaji terdahulu cenderung memilih sampel dalam kalangan pelajar tingkah laku delinkuen di sekolah berasrama dan harian biasa berdasarkan pemilihan secara rawak. Dalam kajian ini, saringan pemilihan peserta kajian adalah ketat dan terkawal melalui soal selidik Skala Daya Ketahanan (SDK) dan Inventori Strategi Daya Tindak (ISDT).

Seterusnya, jurang kajian turut dilihat dalam aspek penggunaan reka bentuk kajian yang cenderung digunakan oleh pengkaji iaitu bentuk kajian tinjauan dan korelasi seperti kajian yang dijalankan oleh Md Yasin et al (2008), Maznah (2013),





Tairin @ Noraisah (2016) dan Hardy & Jasmine (2018). Masih wujud jurang terhadap pemilihan reka bentuk eksperimental oleh pengkaji bagi mendapatkan kefahaman yang lebih mendalam terhadap isu pelajar berisiko tingkah laku disiplin ini. Dengan adanya kajian seperti ini, diharapkan agar aspek daya tindak dan resilien pelajar aktif sukan terlibat salah laku disiplin ini dapat diperkukuhkan dan mendorong perubahan tingkah laku yang lebih positif ke arah kemenjadian murid seperti yang termaktub di dalam Pelan Pembangunan Pendidikan Malaysia (PPPM). Atas kesedaran ini Modul Kaunseling Kelompok REBT digunakan sebagai intervensi yang memberi penekanan kepada proses perkembangan dan rawatan. Dalam kajian ini modul Kaunseling Kelompok REBT telah dibangunkan berdasarkan pendekatan teori REBT yang menekankan aspek pemikiran rasional ke arah perkembangan tingkah laku yang positif selepas tamat intervensi kelompok.

1.4 Tujuan Kajian

1.4.1 Tujuan Umum

Secara umumnya kajian ini dijalankan untuk melihat kesan Kaunseling Kelompok REBT terhadap resilien dan daya tindak pelajar aktif sukan yang terlibat dalam salah laku disiplin.





1.4.2 Tujuan khusus

Secara khususnya kajian ini dijalankan adalah untuk :

1.4.1 Meningkatkan tahap resilien pelajar aktif sukan terlibat salah laku disiplin melalui Kaunseling Kelompok REBT

1.4.2 Meningkatkan tahap daya tindak pelajar aktif sukan terlibat salah laku disiplin melalui Kaunseling Kelompok REBT



1.5 Objektif Kajian

Berdasarkan kepada tujuan kajian di atas, objektif kajian ini adalah seperti berikut:

1.5.1 Mengukur kesan Kaunseling Kelompok REBT terhadap resilien pelajar aktif sukan terlibat salah laku disiplin berdasarkan perbezaan:

- i. min pra ujian resilien antara kumpulan rawatan (KR) dengan kumpulan kawalan (KK).
- ii. min pra ujian dan min pos ujian resilien kumpulan rawatan (KR)
- iii. min pra ujian dan min pos ujian resilien kumpulan kawalan (KK)
- iv. min pra ujian dengan min pos ujian resilien antara kumpulan rawatan (KR) dengan kumpulan kawalan (KK)





1.5.2 Mengukur kesan Kaunseling Kelompok REBT terhadap daya tindak pelajar aktif sukan terlibat salah laku disiplin berdasarkan perbezaan:

- i. min pra ujian daya tindak antara kumpulan rawatan (KR) dengan kumpulan kawalan (KK).
- ii. min pra ujian dan min pos ujian daya tindak kumpulan rawatan (KR)
- iii. min pra ujian dan min pos ujian daya tindak kumpulan kawalan (KK)
- iv. min pra ujian dengan min pos ujian daya tindak antara kumpulan rawatan (KR) dengan kumpulan kawalan (KK)



1.5.3 Mengukur kesan Kaunseling Kelompok REBT terhadap resiliensi dan daya tindak berdasarkan gender berdasarkan perbezaan:

- i. min pra ujian dan min posujian resiliensi antara kumpulan rawatan (KR) lelaki, kumpulan rawatan (KR) perempuan dan kumpulan kawalan (KK).
- ii. min pra ujian dan min posujian daya tindak antara kumpulan rawatan (KR) lelaki, kumpulan rawatan (KR) perempuan dan kumpulan kawalan (KK).





1.6 Persoalan Kajian

Kajian ini dijalankan bertujuan menjawab soalan berkaitan kesan intervensi Kaunseling Kelompok REBT terhadap resilien dan daya tindak pelajar sukan terlibat salah laku disiplin seperti yang berikut;

1.6.1 Adakah terdapat perbezaan kesan terhadap **resilien** pelajar antara kumpulan rawatan dengan kumpulan kawalan?

1.6.2 Adakah terdapat perbezaan kesan terhadap **daya tindak** pelajar antara kumpulan rawatan dengan kumpulan kawalan?

1.6.3 Adakah terdapat perbezaan kesan antara **resilien** dan **daya tindak** pelajar berdasarkan gender?



1.7 Hipotesis Kajian

Kajian ini dijalankan menggunakan modul Kaunseling Kelompok REBT berasaskan teori REBT sebagai intervensi untuk membantu pelajar yang terlibat dengan salah laku disiplin supaya memahami, menghayati dan menggunakan teknik-teknik yang dipelajari dalam kaunseling kelompok untuk meningkatkan tahap resilien dan daya tindak pelajar. Justeru, pengkaji mengandaikan bahawa kesan pemboleh ubah bebas iaitu modul Kaunseling Kelompok REBT yang berteraskan teori REBT ini terhadap pemboleh ubah bersandar iaitu resilien dan daya tindak masih belum dapat disahkan.





Oleh itu, berdasarkan objektif kajian di atas, maka hipotesis berikut dibentuk untuk diuji dalam kajian ini;

1.7.1 Kaunseling Kelompok REBT didapati berkesan meningkatkan resilien berdasarkan hipotesis berikut;

- iii. Tidak terdapat perbezaan signifikan min pra ujian resilien antara Kumpulan Rawatan (KR) dan Kumpulan Kawalan (KK).
- iv. Terdapat perbezaan signifikan ujian min pos ujian Resilien KR.
- v. Tidak terdapat perbezaan signifikan min pra ujian dan min pos ujian kumpulan kawalan
- vi. Terdapat perbezaan signifikan min pra ujian dengan min pos ujian Resilien antara kumpulan rawatan (KR) dengan kumpulan kawalan (KK)



1.7.2 Kaunseling Kelompok REBT didapati berkesan terhadap daya tindak berdasarkan hipotesis berikut;

- i. Tidak terdapat perbezaan signifikan min pra ujian daya tindak antara Kumpulan Rawatan (KR) dan Kumpulan Kawalan (KK).
- ii. Terdapat perbezaan signifikan ujian min pos ujian Daya Tindak KR.
- iii. Tidak terdapat perbezaan signifikan min pra ujian dan min pos ujian kumpulan kawalan
- iv. Terdapat perbezaan signifikan min pra ujian dengan min pos ujian Daya Tindak antara kumpulan rawatan (KR) dengan kumpulan kawalan (KK)





1.7.3 Kaunseling Kelompok REBT didapati berkesan terhadap resilien dan daya tindak berdasarkan gender melalui hipotesis berikut:


- i. Terdapat perbezaan signifikan min pra ujian dan min posujian resilien antara kumpulan rawatan (KR) lelaki, kumpulan rawatan (KR) perempuan dan kumpulan kawalan (KK).
- ii. Terdapat perbezaan signifikan min pra ujian dan min posujian daya tindak antara kumpulan rawatan (KR) lelaki, kumpulan rawatan (KR) perempuan dan kumpulan kawalan (KK).

1.8 Kerangka Konseptual



Bahagian ini akan menjelaskan kerangka konseptual kajian yang menggambarkan model serta perkaitan antara pemboleh ubah yang terlibat. Menurut Shahabudin dan Mohd Zohir (2007), kerangka konseptual menjelaskan idea asas tentang apa yang hendak dikaji dan kepada siapa penyelidikan ini akan dijalankan. Kerangka ini akan menjadi panduan kepada pengkaji agar penyelidikan yang dijalankan lebih berfokus dan terarah mencapai objektif yang disasarkan. Kerangka Konseptual bagi kajian ini ditunjukkan pada rajah 1.1 di bawah:





Rajah 1.1 Kerangka Konseptual Kajian

Berdasarkan Rajah 1.1, kajian mempunyai empat peringkat bermula dengan peringkat pertama iaitu proses penyaringan pelajar Sukan yang terlibat dengan salah laku disiplin atau pernah dirujuk kepada Guru Bimbingan dan Kaunseling. Pada peringkat kedua, kesemua pelajar tersebut disaring sekali lagi melalui Inventori SDK dan Inventori SDT bagi menentukan tahap resilien dan daya tindak mereka. Data yang diperolehi dalam peringkat kedua ini turut digunakan sebagai data praujian dalam kajian ini. Hanya 60 sampel yang mendapat skor rendah bagi kedua-dua aspek psikologikal resilien dan daya tindak sahaja yang akan dipilih sebagai sampel utama kajian ini. Pada peringkat ketiga, sampel kajian dibahagikan kepada dua kumpulan secara rawak dan sama rata. 30 sampel dijadikan kumpulan kawalan manakala baki 30 sampel akan diberikan rawatan modul Kaunseling Kelompok REBT bagi mengukur perbezaan kesan yang terdapat antara kumpulan kawalan dan kumpulan rawatan sampel kajian. Manakala, pada peringkat keempat sampel akan diuji semula dengan inventori SDK dan Inventori SDT bagi melihat kesan keberkesanan Modul Kaunseling Kelompok REBT.

1.9 Kepentingan Kajian

Kajian dan penyelidikan melibatkan intervensi tingkah laku disiplin dalam kalangan pelajar telah lama dimulakan sejak tahun 1970an. Namun, penyelidikan spesifik menggunakan pendekatan Kaunseling Kelompok berdasarkan teori REBT perlu diberi nafas baharu sesuai dengan peredaran masa. Tambahan pula, fenomena pelajar salah laku disiplin dilihat semakin kronik dalam kalangan pelajar sekolah sukan dan menjejaskan prestasi mereka dalam pencapaian akademik dan sukan. Diharapkan agar maklumat daripada kajian ini dapat memberi sumbangan kepada pihak pentadbiran daerah dan negeri



Perak ini untuk lebih memahami dan prihatin terhadap isu penglibatan pelajar sukan terhadap salah laku disiplin di sekolah.

Di samping itu, diharapkan melalui modul Kaunseling Kelompok REBT ini dapat mencetuskan idea dalam menjana program serta aktiviti-aktiviti pengukuhan dalam memperkaya tingkah laku positif ke arah kemenjadian murid bersahsiah murni. Kajian ini juga diharapkan dapat menjadi rujukan kepada unit bimbingan dan kaunseling dalam membuat penilaian serta perancangan program menangani isu disiplin secara bersepadu di sekolah dengan kerjasama pihak Pentadbiran Sekolah dan Unit Disiplin Sekolah. Dengan berpanduan pengetahuan sedia ada Pembimbing Rakan Sebaya (PRS) sebagai sistem sokongan sosial di sekolah, aktiviti pengukuhan tingkah laku pelajar-pelajar lain akan lebih berkesan secara holistik.



Dalam sudut keilmuan bidang kaunseling, secara umumnya kajian berbentuk eksperimen melibatkan pelajar terlibat salah laku disiplin perlu diperbanyakkan lagi di negara ini. Ini kerana, kajian eksperimental ini akan membantu pelajar ini untuk membuat penyesuaian secara psikologikal bagi menghadapi kehidupan realiti selepas tamat sesi kelompok rawatan. Kajian yang memperkenalkan langkah intervensi awal berorientasikan proses perkembangan dan rawatan terhadap resiliensi dan daya tindak ini dapat memberikan idea dan dimensi baru dalam bidang keilmuan kaunseling di negara ini. Seterusnya, diharapkan agar laporan kajian ini akan dijadikan ‘blueprint’ bagi unit bimbingan kaunseling di semua sekolah-sekolah sukan yang menghadapi masalah pelajar terlibat salah laku disiplin. Akhir sekali, diharapkan agar hasil kajian ini dapat mencetuskan idea serta menjadi pendorong kepada pengkaji lain untuk menjalankan kajian menggunakan





pendekatan kaunseling terutamanya kaunseling kelompok dalam menangani isu resilien dan daya tindak dalam kalangan pelajar berisiko tingkah laku disiplin mahupun dalam sampel yang lain serta dalam setting yang pelbagai.

1.10 Batasan Kajian

Kajian kuantitatif yang dijalankan oleh pengkaji dalam kajian ini adalah menggunakan reka bentuk kuasi eksperimental. Justeru, reka bentuk eksperimental ini turut mempunyai limitasi tertentu. Kajian ini, merupakan sebuah kajian jangka pendek cross-sectional yang mengambil sampel pelajar yang sedang melalui proses perkembangan tahap remaja. Justeru kajian tidak dapat dijalankan secara menyeluruh mengkaji aspek psikologikal lain yang terlibat sepanjang proses perkembangan remaja. Oleh demikian, pengkaji memilih untuk mengkaji kesan Kaunseling Kelompok REBT terhadap proses penyesuaian sendiri dalam aspek resilien dan daya tindak bagi suatu tempoh jangka pendek. Penilaian perubahan tingkah laku dalam interaksi sosial kesan daripada rawatan Kaunseling Kelompok REBT tidak dapat dilakukan dalam jangka masa panjang atas faktor limitasi masa.

Di samping itu, kajian ini dilakukan di sebuah Sekolah Sukan di negeri Perak. Seramai 60 orang responden yang dipilih dalam kajian ini terdiri daripada 30 pelajar lelaki dan 30 pelajar perempuan adalah pelajar-pelajar aktif sukan yang terlibat dengan salah laku disiplin yang didapati daripada rekod salah laku disiplin pelajar. Oleh itu hasil kajian ini tidak boleh digeneralisasikan kepada semua pelajar di Malaysia. Justeru, kajian





yang sama perlu dijalankan di sekolah harian berasrama, sekolah harian biasa bantuan modal, sekolah berasrama rancangan khas dan sebagainya agar hasil dapatan yang menyeluruh menggambarkan populasi keseluruhan masalah tingkah laku disiplin dalam kalangan remaja.

1.11 Definisi Konseptual dan Definisi Operasi

Terdapat beberapa istilah yang digunakan dalam penulisan ini yang memerlukan definisi terperinci kerana pengertian yang digunakan dalam kajian ini mungkin berbeza dengan pengertian umum. Definisi yang akan diterangkan dalam kajian ini terbahagi kepada dua iaitu definisi konsep dan definisi operasional yang bersesuaian dengan konteks kajian ini

sahaja iaitu;



1.11.1 Kaunseling Kelompok REBT

Kaunseling kelompok merupakan satu pendekatan yang dinamik dan berkesan dalam proses membantu klien memahami diri, memahami situasi yang dialami dan seterusnya menyelesaikan masalah yang dihadapi. Pendekatan kaunseling kelompok dijalankan bagi sekumpulan individu normal yang menghadapi isu yang sama. Menurut Mohd Salleh (2011), kaunseling kelompok merupakan platform terbaik untuk melatih pelajar-pelajar agar lebih berdisiplin, bertanggungjawab, lebih berkeyakinan diri, bercita-cita tinggi serta mempunyai personaliti yang sihat. Hayes (2011) turut menjelaskan bahawa kaunseling kelompok adalah berkesan dilaksanakan di sekolah kerana melalui pendekatan ini klien





mempunyai peluang untuk mengembangkan kemahiran sosial dalam kalangan ahli kelompok yang sebaya dan dapat mengukuhkan konsep sendiri dalam konteks menyelesaikan masalah yang dihadapi. Menurut Corey (1990), kaunseling kelompok dijalankan bertujuan mencegah serta memulih ahli yang terlibat dalam isu yang sama secara berkesan. Pendekatan ini dilihat berkesan dan menjimatkan masa proses perkembangan kerana membincangkan isu yang sama yang dikongsi oleh ahli kelompok.

Kaunseling Kelompok dalam kajian ini adalah berdasarkan Modul Kaunseling Kelompok REBT yang digunakan secara khusus untuk menangani masalah disiplin dalam kalangan pelajar dalam masa yang sama dapat membantu proses perkembangan tingkah laku dalam darjah (Knoff, 1987) dan turut digunakan dalam kumpulan bimbingan kelompok (Aasheim & Nieman, 2006; Corey & Corey, 2007; Gladding, 1995) secara



Menurut Corey (2012), antara pendekatan terbaik yang boleh diaplikasikan dalam sesi kelompok adalah dengan menggunakan pendekatan REBT kerana fokus utama teori ini adalah untuk memulihkan sistem pemikiran individu dan falsafah hidup mereka agar lebih rasional dan positif. Wesler (2013) menyatakan bahawa matlamat utama kaunseling kelompok REBT adalah untuk mengajar klien mengubah ketidakfungsian emosi dan tingkah laku ke arah yang lebih rasional serta lebih resilien berhadapan peristiwa atau situasi yang tidak dijangka dalam kehidupan mereka. Kenyataan tersebut turut disokong oleh Ellis (2009) yang menyatakan bahawa REBT dapat menjadi medium untuk membantu klien menyingkirkan emosi negatif seperti tekanan dan kemurungan, yang mana pada





akhirnya klien akan dapat menikmati ketenangan kegembiraan dan kepuasan dalam hidup mereka.

Pemilihan pendekatan REBT ini sesuai dengan matlamat kajian ini yang mengetengahkan alat intervensi yang bersifat efisien dan praktikal serta mudah difahami melalui konsep A-B-C. Di samping itu, kerangka asas REBT yang bersifat direktif dan aktif akan dapat membantu ahli kelompok menyingkirkan gangguan aspek psikologikal dengan lebih cepat dan berkesan bagi membolehkan mereka membentuk falsafah hidup baharu yang lebih rasional dan memilih tingkah laku positif.

1.11.2 Resilien



Secara dasarnya resilien bermaksud daya tahan individu terhadap cabaran, konflik serta situasi yang menekan individu. Perkataan resilien turut juga digantikan dengan perkataan daya ketahanan dalam kajian-kajian lain. Resilien turut diertikan merujuk kepada keupayaan pelajar untuk menerima, menghadapi dan tabah dalam menghadapi masalah yang dihadapi (Grotberg, 2010). Manakala Jonathan (2009) melihat resilien dari sudut yang lain iaitu pembentukan kekuatan dalaman diri individu agar mampu mengharungi dan mengatasi kesulitan yang dihadapi dengan baik. Ini bermakna, individu yang mempunyai tahap resilien yang tinggi akan membolehkan dirinya menghadapi apa jua cabaran yang mendatang secara positif dan akan terus berusaha untuk mengorak langkah ke hadapan.

Kenyataan di atas turut disokong oleh Carolina (2008) dan Garnezy (2001) yang merujuk perkataan resilien sebagai keupayaan individu untuk bangkit semula dari





suatu peristiwa dahsyat yang membuatkan individu tertekan agar bangkit semula dan berusaha memulihkan diri seperti keadaan sebelumnya. Kelemahan daya tahan dalam diri individu sering dikaitkan dengan timbulnya masalah psikologi yang lain seperti mempunyai keyakinan diri yang rendah, mengalami tekanan, kemurungan dan mengambil jalan keluar yang salah.

Perkaitan antara personaliti diri individu dengan tahap resilien yang tinggi saring melihat keupayaan individu menyesuaikan diri dengan tekanan yang dihadapi, malah dapat mengurangkan kesan negatif daripada tekanan tersebut (Jacelon, 2008). Wignild dan Young (2010) turut bersetuju dengan pendapat bahawa resilien adalah satu bentuk kecekapan sosial dan psikologi yang menunjukkan ciri-ciri peribadi yang tenang secara emosi dan kognitif, tekun, bersungguh-sungguh, penuh makna serta yakin pada keupayaan diri dalam menghadapi apa jua situasi. Kekuatan resilien pada individu akan membentuk suatu benteng yang menjadi penampan untuk melantunkan semula segala peristiwa negatif agar tidak terkesan kepada individu dengan begitu mendalam.

Antara komponen utama yang terdapat dalam aspek resilien ini adalah sokongan sosial terhadap individu yang merujuk kepada bantuan dari segi emosi, kewangan, persekitaran dan sebagainya daripada individu yang dipercayai seperti ibu bapa dan ahli keluarga terdekat (Smith dan Zhang, 2009). Kelemahan aspek sokongan sosial ini akan mempengaruhi penurunan daya tahan individu yang mendorong kehidupan ke arah lebih pasif, sunyi dan lebih suka menyendiri. Menurut Bonano (2004), sokongan sosial yang diterima dari individu di sekeliling, akan membantu individu menggunakan





kemahiran tertentu dan mendorong mereka melibatkan diri secara aktif dalam membentuk persekitaran hidup yang unik dan tersendiri.

Oleh itu, resilien merupakan aspek psikologi yang perlu diberi perhatian kerana ia merujuk kepada persepsi yang lebih optimis serta mempunyai harapan yang positif tentang masa hadapan. Tahap resilien yang tinggi sangat diperlukan bagi membantu individu menerima dan menyesuaikan diri dengan persekitaran atau situasi yang dihadapi. Keadaan ini dapat ditentukan melalui faktor pelindung yang positif sama ada melalui faktor dalaman atau melalui sumber luaran.

Definisi Operasi Resilien.



Dalam kajian ini resilien merujuk kepada keupayaan individu untuk menguruskan aspek mental, fizikal dan emosi dalam mengendalikan pelbagai situasi yang menekan yang dihadapi. Terdapat dua aspek faktor pelindung yang dititik beratkan iaitu faktor pelindung secara peribadi (interpersonal) dan faktor pelindung luaran (intrapersonal). Kedua-dua elemen faktor pelindung ini sangat penting kerana kecekapan peribadi dan sosial, kekuatan hubungan kekeluargaan serta sokongan sosial yang kukuh akan membantu individu menerima cabaran psikososial yang ditempuh. Aspek yang dibincangkan di sini adalah berdasarkan kepada Inventori The Resilience Scale yang diasaskan oleh Araki Tsuyoski (2000) yang telah diterjemahkan dan dibangunkan semula oleh Zaiton (2014). Pada tahun 2017, Soal Selidik Skala Daya Ketahanan (SDK) ini telah disesuaikan semula dengan latar belakang budaya masyarakat di negara ini serta dilaraskan agar sesuai bagi golongan





remaja di peringkat sekolah mahupun di peringkat universiti (Fazzuan Khalid, 2017).

Inventori SDK ini menguji daya tahan pelajar dalam empat kategori utama :

(i) Daya Tahan Kekuatan Diri (DTKD)

Araki (2000) menjelaskan bahawa kekuatan diri merujuk kepada keupayaan individu untuk menyelesaikan apa jua rintangan yang dihadapi dalam kehidupannya berdasarkan kepercayaan terhadap keupayaan dan bakat yang dimiliki serta tidak mudah berputus asa dalam mengejar cita-cita atau matlamat yang telah dirancang. Dengan cara ini individu akan sentiasa positif dan kekal fokus pada perancangan yang telah dibuat. Oleh itu, dalam skop kajian ini tahap daya tahan kekuatan diri merujuk kepada skor sendiri yang diperolehi melalui Skala Daya Ketahanan : Daya Tahan Kekuatan Diri (DTKD)



(ii) Daya Tahan Mengurus Diri (DTMD)

Araki (2000) menjelaskan bahawa daya tahan mengurus diri adalah merangkumi keupayaan individu untuk menyesuaikan diri dengan persekitaran baru dan berupaya menunjukkan sikap fleksibel terhadap pelbagai situasi kehidupan yang mencabar. Subskala ini turut menguji keupayaan individu dalam berkomunikasi serta berinteraksi dalam persekitaran sosial kehidupannya. Oleh itu, dalam kajian ini aspek keupayaan pengurusan diri merujuk kepada skor sendiri yang diperolehi melalui Skala Daya Ketahanan : Daya Tahan Mengurus Diri (DTMD).





(iii) Daya Tahan Emosi (DTE)

Araki (2000) menjelaskan bahawa daya tahan emosi merujuk kepada keupayaan individu untuk menguruskan emosi apabila berhadapan pelbagai situasi mencabar dan menekan melalui sokongan daripada rakan, keluarga mahupun dari sumber lain yang ada dalam persekitarannya. Malah, pada masa yang sama individu turut berkeupayaan memberikan sokongan terhadap orang lain di sekitarnya. Subskala ini menunjukkan individu yang sentiasa aktif menguruskan emosi sesuai dengan situasi yang dihadapinya di samping mendapat sokongan daripada sumber di persekitarannya. Oleh itu, dalam kajian ini daya tahan emosi merujuk kepada skor sendiri yang diperoleh melalui Skala Daya Ketahanan : Daya Tahan Emosi (DTE)



(iv) Daya Tahan Optimis (DTO)

Araki (2000) menjelaskan bahawa daya tahan optimis merujuk kepada keupayaan individu untuk membuat perancangan yang realistik dalam kehidupannya. Individu ini bijak menguruskan masalah dan sentiasa konsisten dalam melaksanakan ketetapan kehidupannya walaupun berhadapan pelbagai situasi yang mencabar dan menekan. Subskala ini menguji sejauh mana individu tersebut kekal dengan perancangan yang dibuat sepanjang kehidupan sehariannya. Oleh itu, dalam kajian ini daya tahan optimis merujuk kepada skor sendiri yang diperoleh melalui Skala Daya Ketahanan : Daya Tahan Optimis





Tahap penskoran SDK terbahagi kepada tiga iaitu tahap rendah (skor 0 – 40), tahap sederhana (skor 41 – 90) dan tahap tinggi (skor 91 – 125). Secara keseluruhannya, dapatan skor yang tinggi menunjukkan individu tersebut mempunyai tahap resilien yang tinggi manakala skor rendah menunjukkan tahap resilien individu tersebut adalah rendah.

1.11.3 Daya Tindak

Strategi daya tindak merujuk kepada keupayaan individu menilai dan membuat keputusan tentang tindakan yang sewajarnya diambil ketika berhadapan dengan situasi yang mencabar dan menekan (Krok, 2008). Istilah lain yang sering diguna pakai adalah *coping skills* yang lebih menitik beratkan kepada bentuk tindakan yang diambil. Menurut Springer (2013), daya tindak merupakan sebahagian daripada tindak balas terhadap masalah yang dilakukan secara berfokus dan segera bertujuan untuk menstabilkan reaksi kognitif dan emosi. Dengan adanya daya tindak, ia dapat menentukan respon individu terhadap masalah yang dihadapi yang akan mempengaruhi keterlibatan individu tersebut terhadap salah laku disiplin. Steinhausen (2013) menjelaskan bahawa kegagalan individu mengukuhkan daya tindak yang positif dalam diri boleh dikaitkan dengan kecenderungan terhadap penglibatan salah laku disiplin di sekolah.





Definisi Operasi Daya Tindak.

Dalam konteks kajian ini, daya tindak diukur melalui interpretasi yang dibuat terhadap Inventori Strategi Gaya Daya Tindak (ISDT) yang diadaptasi ke dalam bahasa Melayu oleh Salhah, Sapora, Dini Farhana dan Rezki Pardani (2011) daripada inventori asal Coping Strategies Inventory (CSI) yang dibangunkan oleh David L. Tobin (1984, 2001). ISDT membahagikan daya tindak kepada lapan faktor utama:

1.11.3.1 Faktor Penyelesaian Masalah (FPM)

Menurut Salhah, Sapora, Dini Farhana dan Rezki Pardani (2011), subskala ini mengandungi item yang merujuk kepada strategi tingkah laku dan pemikiran yang dibentuk bagi menyingkirkan faktor tekanan dengan cara mengubah situasi yang menekan tersebut.



Oleh itu, tahap Daya Tindak Penyelesaian Masalah merujuk kepada skor laporan sendiri yang diperolehi melalui ISDT – Faktor Penyelesaian Masalah.

1.11.3.2 Faktor Kritik Diri Sendiri (KD)

Menurut Salhah, Sapora, Dini Farhana dan Rezki Pardani (2011) subskala FKD ini mengandungi item-item yang merujuk kepada kesedaran individu terhadap kesilapan yang dilakukan sendiri serta menyalahkan tindakan yang telah diambil oleh dirinya sendiri. Faktor kritik diri dapat membantu individu untuk bangkit semula daripada kesilapan yang dilakukan dan menutup ruang daripada menyalahkan orang lain atas masalah yang berlaku (Fazzuan Khalid, 2017). Oleh itu, dalam skop kajian ini faktor kritik diri sendiri merujuk kepada skor laporan sendiri ISDT- Faktor Kritik Diri.





1.9.3.3 Faktor Ekspresi Emosi (FE)

Menurut Salhah, Sapora, Dini Farhana dan Rezki Pardani (2011), subskala FEE ini mengandung item yang merujuk kepada kaedah melegakan dan mengeluarkan emosi terpendam dalam diri. Oleh itu, dalam kajian ini faktor ekspresi emosi merujuk kepada skor laporan sendiri yang diperolehi melalui ISDT- Faktor Ekspresi Emosi.

1.9.3.4 Faktor Fikiran Menaruh Harapan (FMH)

Menurut Salhah, Sapora, Dini Farhana dan Rezki Pardani (2011), subskala ini mengandung item yang merujuk kepada strategi pemikiran yang mempengaruhi keenganan individu untuk membentuk semula situasi yang telah berlaku dan berharap situasi yang telah berlaku akan menjadi lebih baik. Oleh itu, dalam kajian ini faktor fikiran menaruh harapan merujuk kepada skor laporan sendiri ISDT – Faktor Fikiran Menaruh Harapan.

1.9.3.5 Faktor Sokongan Sosial (FSS)

Menurut Salhah, Sapora, Dini Farhana dan Rezki Pardani (2011), subskala FSP ini mengandung item-item yang merujuk kepada strategi mendapatkan sokongan emosi daripada orang lain termasuk ahli keluarga dan rakan-rakan sebaya. Oleh itu, dalam kajian ini faktor sokongan sosial merujuk kepada skor laporan sendiri ISDT Faktor Sokongan Sosial.





1.9.3.6 Faktor Menstruktur Semula Pemikiran (FMP)

Menurut Salhah, Sapora, Dini Farhana dan Rezki Pardani (2011), subskala ini mengandungi item yang merujuk kepada strategi pemikiran megubahsuai makna tekanan yang dihadapi sehingga ia kurang memberi kesan kepada diri. Ini membolehkan individu mencari aspek lebih positif serta melihat faktor tekanan tersebut dari perspektif yang baharu. Oleh itu, dalam kajian ini faktor menstruktur semula pemikiran merujuk kepada skor laporan sendiri ISDT – Faktor Menstruktur Semula Pemikiran.

1.9.3.7 Faktor Mengelakkan Masalah (FMM)



Menurut Salhah, Sapora, Dini Farhana dan Rezki Pardani (2011), subskala ini mengandungi item yang merujuk kepada strategi individu mengelak dari terlibat dengan masalah. Ini membolehkan individu sentiasa mengekalkan kesejahteraan diri melalui tindakan mengelak. Oleh itu, dalam kajian ini faktor mengelak masalah merujuk kepada skor laporan sendiri ISDT – Faktor Mengelakkan Masalah.





1.12 Rumusan

Bab ini telah membincangkan komponen-komponen penting penyelidikan ini termasuk pernyataan masalah, tujuan kajian, objektif, soalan-soalan kajian, hipotesis, kerangka konseptual, kepentingan kajian, batasan kajian dan definisi konseptual dan definisi operasional. Bab 2 yang berikutnya pula akan membincangkan sorotan kajian-kajian yang lalu. Daripada sorotan tersebut, pembinaan kerangka konsep kajian telah dibuat berdasarkan kerangka teori yang dibincangkan.

